

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

HIS 213 – Sumber Dan Prinsip Perundangan Islam

Masa : 3 jam

Sila pastikan kertas soalan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Setiap soalan membawa nilai markah yang sama. Jawab EMPAT soalan sahaja.

...2/-

1. Jelaskan perbezaan maksud serta huraikan secara kritis istilah-istilah berikut:
 - [a] Hukum **wajib mu 'aiyan** (واجب معين) dan hukum **wajib mudayyaq** (واجب مضيق). [33 markah]
 - [b] **'Illah** (علة) dan **rukhsah** (رخصة). [33 markah]
 - [c] Qiyas dalalah (قياس دلالة) dan qiyas 'illah (قياس علة). [34 markah]

2. Huraikan secara terperinci maksud pernyataan di bawah:
 - [a] **Istishab al-'Adam al-Asli** (إستصحاب العدم الأصلي). [33 markah]
 - [b] **Istishab hal al-ijma'** (إستصحاب حال الإجماع). [33 markah]
 - [c] Sesuatu hukum wajib yang tidak dapat disempurnakan melainkan dengan perkara tertentu, maka perkara tersebut juga dihukum wajib. (ما لا يتم الواجب إلا به فهو واجب). [34 markah]

3. Jelaskan dalil atau hujahan sumber-sumber hukum syari 'at berikut:
 - [a] **Al-Istishab** (الإستصحاب). [33 markah]
 - [b] **Al-Qiyas** (القياس). [33 markah]
 - [c] **Al- Ijma'** (الإجماع). [34 markah]

4. Huraikan pandangan para 'ulama' usul fiqh tentang sumber-sumber berikut:
 - [a] **Ijma ' lafzi** (إجماع لفظي) [34 markah]
 - [b] **Ibahah 'aqliyyah** (إباحة عقلية). [33 markah]

- [c] **Sunnah qauliyyah** (سنة قولية) . [33 markah]
5. Jelaskan perbezaan di antara perkara-perkara berikut:
- [a] **'Uruf** (عرف) dan **Istihsan** (استحسان). [34 markah]
- [b] **Rukhsah** (رخصة) dan **'azimah** (عزيمة). [33 markah]
- [c] Pemansuhan hukum daripada al-sunnah oleh hukum baru daripada al-Quran atau sebaliknya. [33 markah]
6. Bincangkan secara kritis kedudukan sumber-sumber hukum syara' berikut:
- [a] **Al-Ijtihad** (الاجتهاد) dan syarat-syarat seseorang mujtahid. [34 markah]
- [b] Syari'at umat terdahulu yang disebut semula dalam al-Quran atau al-sunnah tanpa dijelaskan samada menjadi syari'at Muhammad s.a.w atau tidak . [33 markah]
- [c] **Qiyas ma'a al-fariq** (قياس مع الفارق) [33 markah]